

0609

U 8703 AAB
MAHATHIR - TRIBUNAL RRRR

KUALA LUMPUR, 15 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA HANYA SATU TRIBUNAL AKAN DIBENTUK UNTUK MENENTUKAN KEDUDUKAN LIMA HAKIM MAHKAMAH AGUNG YANG DIGANTUNG JAWATAN.

KATANYA, ADALAH TIDAK PERLU UNTUK MEMBENTUK LIMA TRIBUNAL BAGI MENDENGAR KES KELIMA-LIMA HAKIM TERSEBUT.

BELIAU BAGAIMANAPUN MEMBERITAHU PEMBERITA DI SINI, BELIAU TIDAK TAHU BILAKAH TRIBUNAL ITU AKAN DITUBUHKAN.

LIMA HAKIM YANG DIGANTUNG JAWATAN MEREKA MULAI 6 JULAI LEPAS, IALAH TAN SRI WAN SULEIMAN PAWAN TEH, DATUK GEORGE SEAH KIM SENG, TAN SRI HAJI MOHAMED AZMI DATUK HAJI KAMARUDDIN, TAN SRI EUSOFFE ABDOLCADER DAN TAN SRI WAN HAMZAH HAJI MOHAMED SALLEH.

MENGENAI PILIHAN RAYA KECIL KAWASAN PARLIMEN JOHOR BAHRU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BARISAN NASIONAL BELUM LAGI MENGADAKAN MESYUARAT UNTUK MEMBINCANGKAN CALONNYA BAGI PILIHAN RAYA TERSEBUT.

-- LAGI

2129MST 15 07 88

0610

U 8706 AAB
MAHATHIR - TRIBUNAL 2 KUALA LUMPUR RRRR

SEBELUM ITU SEMASA MERASHIKAN KONVENSYEN INSTITUT PEMBANGUNAN KELUARGA DAN KANAK-KANAK NURY, PERDANA MENTERI BERKATA RAKYAT MALAYSIA PERLU BERANI MENCUBA MEMBAWA PERUBAHAN UNTUK KEMAJUAN BERSAMA.

KEMAJUAN DALAM SESUATU MASYARAKAT ITU HANYA TERCAPAI JIKA ADA ANTARA MEREKA YANG BERANI MENCUBA, MENYELIDIK DAN MERANCANG SESUATU YANG BARU YANG BOLEH MEMBAWA PERUBAHAN DALAM KEHIDUPAN, KATANYA.

BELIAU MEMBERI CONTOH MENGENAI PEMBAHARUAN YANG DIUSAHAKAN OLEH PIHAK NURY DARI SEGI MEMBERI ASUHAN DAN PENDIDIKAN CEMERLANG KEPADA KANAK-KANAK DI BAWAH UMUR ENAM TAHUN DENGAN MELIBATKAN IBUBAPA KANAK-KANAK ITU SENDIRI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU YAKIN JIKA SISTEM NURY ITU DIPERLUASKAN, IA AKAN MEMBERI BANYAK MANFAAT KEPADA MASYARAKAT NEGARA INI.

PENGERUSI NURY, DATIN DR NOOR LAILY ABU BAKAR BERKATA SEJAK NURY DIPERKENALKAN EMPAT TAHUN LEPAS, IA SEDIKIT SEBANYAK TELAH MEMBERI SUMBANGAN KE ARAH MEMBANGUNKAN SEMULA INSTITUSI KELUARGA SEBAGAI INSTITUSI TERPENTING PEMBANGUNAN MANUSIA. -- LAGI

2131MST 15 07 88

0611

U B707 AAB
MAHATHIR - TRIBUNAL 3 KUALA LUMPUR RRRR

BELIAU BERKATA KIRA-KIRA 4,000 IBUBAPA TELAH MENYERTAI KURSUS PEMBANGUNAN KANAK-KANAK YANG DIANJURKAN OLEH INSTITUT ITU DAN KIRA-KIRA 1,000 DARIPADA MEREKA MENYERTAI PROGRAM YANG BERTERUSAN MELALUI 27 BUAH PUSAT PENGASAS NURY.

MENURUTNYA, INSTITUT NURY KINI TURUT MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN UNTUK KANAK-KANAK TERENCAT AKAL DAN SEBUAH TABUNG +ANAK CEMERLANG+ DITUBUHKAN KHAS UNTUK MEMBIAYAI PROGRAM PENDIDIKAN BAGI KANAK-KANAK BERKENAAN.

KONVENSYEN TIGA HARI YANG BERTEMAKAN +PERSPEKTIF TAHUN-TAHUN 2000+ ITU DIHADIRI OLEH PENGASAS-PENGASAS, IBUBAPA DAN PEGAWAI-PEGAWAI NURY DARIPADA KEDAH, JOHOR, WILAYAH PERSEKUTUAN DAN SINGAPURA.

IA BERTUJUAN MEMBINÇANGKAN MERANCANG PERSEDIAAN BAGI MENGHADAPI CABARAN MASA DEPAN DUNIA KANAK-KANAK DI TAHUN-TAHUN 2000. -- BERNAMA
2132MST 15 07 88